

02/04/1997

UPM gembleng semua sumber jayakan MSC

Ahmad Ghazali Musa

UNIVERSITI Pertanian Malaysia (UPM) akan menggunakan sumber dalaman termasuk tenaga pensyarah, pelajar dan tanah secara maksimum bagi membolehkannya menjadi pencetus utama pertumbuhan teknologi maklumat (IT) dan multimedia di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dalam pertemuan dengan Komputer, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Salim, berkata beberapa projek membabitkan IT dan multimedia sudah dirancang dan ada antaranya dalam pelaksanaan menerusi kerjasama dengan syarikat swasta.

Katanya, UPM akan menggunakan konsep pembangunan IT di Lembah Silikon di California, Amerika Syarikat yang mana ia menjadikan Universiti Stanford sebagai pencetus pembangunan IT di kawasan terbabit 20 tahun lalu.

"Sebagai pusat pengajian tinggi di kawasan strategik dalam pembangunan MSC, UPM perlu melakukannya dengan cepat untuk menjadi model terbaik di negara ini," katanya sambil meletakkan harapan untuk menggunakan sumber dalaman tenaga pensyarah, pelajar dan sumber tanah secara maksimum.

Bagi tujuan itu sumber dalaman akan digembleng dengan syarikat swasta yang menempatkan projek mereka di UPM.

"Gabungan antara tenaga pakar dalaman dengan sektor swasta mampu menjadi pemangkin kelahiran tenaga profesional dari pelbagai bidang yang bakal menjadi usahawan terkemuka.

"Tidak mustahil kita mampu melahirkan tenaga usahawan seperti Bill Hewlett dan David Packard yang menjadi pengasas syarikat Hewlett-Packard seterusnya pencetus pertumbuhan IT di Lembah Silikon, Bill Gates (Microsoft), Andrew Grove (Intel) dan beberapa tokoh akademik dan pelajar yang menjadi usahawan terkaya dan berjaya di dunia," katanya yang pernah menyertai lawatan ke Lembah Silikon bersama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan rombongan Perdana Menteri akhir tahun lalu.

UPM sendiri mempunyai tenaga pakar terdiri daripada pelajar dan pensyarah yang mampu menghasilkan produk perisian lebih baik berbanding perisian yang ada di pasaran sekarang.

"Cuma kita lemah dari segi memasarkan produk berkenaan," katanya. Usaha UPM itu boleh dilihat melalui pembentukan Pusat Teknologi Inkubator Pertama melalui kerjasama dengan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).

Sebanyak 13 syarikat multimedia tempatan beroperasi di Pusat Teknologi Inkubator Pertama itu dan akan menyusun pusat kedua dan ketiga dalam tempoh terdekat ini.

Antara syarikat dan institusi yang beroperasi di Pusat Inkubator Pertama itu termasuk Mimos Berhad, Telekom Malaysia, Akademi Multimedia dan Alam Teknokrat yang bertanggungjawab mengendalikan 'mirror site' untuk enjin carian Alta Vista yang pertama di rantau Asia.

"Inkubator itu adalah landasan kecil untuk mencetus pembangunan konsep MSC sebagai gagasan besar," tambah Dr Jalaludin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengadakan lawatan ke UPM esok dijangka merasmikan pusat inkubator pertama MTDC-UPM berkeluasan 0.48 hektar itu.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri juga akan menyaksikan produk perisian yang dihasilkan pelajar UPM.

Dalam pada itu, UPM turut merancang projek besar dan beberapa kegiatan yang menggunakan secara maksimum tenaga pakar dalaman. Antaranya ialah:

* Pembangunan kawasan 600 ekar yang akan menempatkan bandar raya eko-

media menggunakan konsep Lembah Silikon California, Amerika Syarikat.

Projek yang akan menempatkan kompleks multimedia itu berteraskan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi pembangunan perisian.

"Projek itu penting untuk sumber pendapatan UPM sebelum dikorporatkan. Projek itu masih di peringkat perancangan. Diharap kerajaan akan meluluskannya bagi membolehkan UPM melaksanakan projek lebih awal," kata Dr Jalaludin.

* Projek meningkatkan keupayaan Makmal Kreatif Siber yang ditubuhkan dua tahun lalu. Projek ini diketuai Dr Mahathir Mardan bersama sekumpulan pensyarah dan pelajar yang berpengalaman membangunkan perisian multimedia. Usaha menambah tenaga pakar di makmal itu juga akan dilakukan.

"Dulu makmal ini tidak begitu penting sehingga tiada usaha mempertingkatkan keupayaannya. Sekarang kita perlu mengambil langkah cepat memperbaiki makmal ini kerana fungsinya sekarang ialah pembangunan perisian multimedia bermutu dan boleh diperdagang di peringkat antarabangsa," katanya.

* Penubuhan Institut Pembangunan Perisian yang akan mengambil inisiatif membangunkan perisian secara lebih menyeluruh.

"Yang menjadi masalah sekarang, walaupun terdapat jumlah perisian yang besar di pasaran, kita masih tidak boleh guna untuk mempertingkatkan produktiviti.

"Perisian itu perlu diubah suai untuk disesuaikan dengan penggunaan di peringkat universiti. Ia bermakna kita perlu bangunkan perisian berasas perisian yang sudah ada di pasaran.

"Kita beli perisian terutama dari Amerika Syarikat dan kita ubah suai untuk menjadikannya lebih baik. Kemudian kita boleh jual semula di peringkat antarabangsa dan boleh memberi pendapatan lumayan kepada negara," kata Dr Jalaludin.

(END)